



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 3 FEBRUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NAIKKAN HARGA LANTAI BELIAN PADI DAN BERAS, NASIONAL, SH -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KOS PESAWAH NAIK 55 PERATUS AKIBAT PENYASARAN SUBSIDI DIESEL TAHUN LALU, DALAM NEGERI, UM -9	
3.	BEKALAN KELAPA SUSUT 60 PERATUS DIJANGKA PULIH MEI, NASIONAL, BH -14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	TAMBAH BOT NELAYAN BESAR ELAK PERAIRAN DICEROBOH, LOKAL, HM -17	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	KADA PERKENAL PADI TAHAN LASAK, DALAM NEGERI, UM -10	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
6.	PERKUKUH KETERJAMINAN MAKANAN, KUANTAN, SH -27	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Naikkan harga lantai belian padi seiring peningkatan kos pengeluaran bagi mengelakkan pengilang bumiputera menanggung kerugian.

Lindungi pengilang bumiputera yang tanggung kerugian susulan harga belian padi tinggi namun harga beras masih rendah

Oleh NURFARDLINA IZZATI MOKTAR KUALA TERENGGANU

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dicadang menaikkan harga lantai belian padi seiring peningkatan kos pengeluaran. Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, harga beras tempatan RM2.60 sejak 16 tahun lalu juga perlu dinaikkan sedikit kepada paras sekitar RM3 per kilogram (kg).

Menurutnya, cadangan itu bagi melindungi pengilang bumiputera yang menanggung kerugian susulan harga belian padi tinggi berbanding harga beras yang masih rendah. Isu tersebut (pengilang bumiputera alami kerugian) berlaku kerana kerajaan hanya tentukan harga lantai padi RM1,300 per tan tetapi harga siling tidak ditetapkan.

"Ini bermakna pengilang hanya disyorkan beli padi tidak kurang daripada harga minimum RM1,300 dan terpuanglah nak beli berapa mahal sekalipun, ia dibenarkan."

"Harga beras tempatan kekal RM2.60 per kilogram (kg) manakala

harga beras import pula tidak dikawal," katanya dalam kenyataan di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, Azman berkata, dalam persaingan bagi mendapatkan bekalan padi, pengilang-kilang bukan bumiputera menawarkan harga belian padi yang tinggi sehingga mencapai RM2,000 per tan.

"Dengan harga belian padi ini, beras tidak akan mampu dijual dengan harga RM2.60 per kg. Maka bagaimana kilang nak untung?"

"Apabila beli padi dengan harga tinggi, kilang-kilang tersebut mendapatkan keuntungan dengan cara menjenamakan beras tempatan keluaran mereka sebagai beras import sama ada dengan mencampurkan beras import atau memang beras tempatan tetapi dilabelkan sebagai



AZMAN

Kerajaan dicadang menaikkan harga lantai belian padi seiring peningkatan kos pengeluaran bagi mengelakkan pengilang bumiputera menanggung kerugian.

import.

"Oleh itu, mereka (pengilang bukan bumiputera) boleh jual dengan harga tinggi tanpa kawalan," dakwanya.

Sebelum ini sebuah media tempatan melaporkan kilang padi bumiputera terbesar di Perlis yang beroperasi sejak 57 tahun lalu bakal gulung tikar selepas tidak mampu lagi menanggung kerugian jutaan ringgit sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Kilang Dibuk Sdn Bhd yang sebelum ini memberi kemudahan kepada lebih 10,000 petani di Perlis bagi menjual hasil tuai mereka sudah tidak mampu lagi bertahan berikutan tekanan lonjakan harga belian padi yang tinggi di sebalik har-



3/2/2025

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

9

Kos pesawah naik 55 peratus akibat penyasaran subsidi diesel tahun lalu

Oleh FITRI NIZAM

utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kos pesawah melonjak sebanyak 55 peratus akibat pelaksanaan penyasaran subsidi diesel sejak tahun lalu antara alasan utama kerajaan dituntut meningkatkan harga lantai pembelian beras kepada RM1,800 berbanding RM1,300 satu tan.

Jumlah itu disifatkan adil kerana pada pesawah bagi mengimbangi peningkatan kos yang ditanggung golongan tersebut pada setiap musim penanaman padi.

Pengerusi Pertubuhan Pemasaran Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, penyasaran subsidi diesel bermula tahun lalu mengakibatkan kos petani untuk melakukan aktiviti bersawah meningkat.

Pada masa sama, katanya, petani juga berdepan dengan isu benih tidak berkualiti, harga baja dan racun meningkat serta perubahan iklim yang mengakibatkan hasil padi menurun.

"Sejak empat musim sebelumnya ini, hasil padi di keba-

petani mengejar harga lantai dan sebagainya sebaliknya berpunca daripada faktor luar yang di luar kawalan petani," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas kenyataan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar yang meminta pesawah menukar pemikiran daripada terlalu 'mengejar' harga belian padi bagi meningkatkan hasil, beliau berkata, pihaknya amat terganggu dengan kenyataan tersebut.

Beliau berkata, secara logik, tiada pesawah yang hendak menanam padi untuk memperoleh hasil rendah.

"Sepatutnya beliau tahu dengan cuaca tidak menentu, tahap kesihatan pesawah, kualiti benih dengan risiko banjir serta serangan penyakit, ia mempengaruhi hasil dituai.

"Gesaan kami untuk memperoleh harga belian tinggi bukan disebabkan tak mahu meningkatkan produktiviti sebaliknya bagi mengimbangi kos yang meningkat," katanya.

Abdul Rashid berkata, sebahagian besar pesawah kini ber-


sawah dan menuai hasil dalam keadaan menanggung kerugian dengan harga belian beras RM1,300 satu tan.

"Macam mana kami hendak teruskan bersawah kalau terpaksa menanggung kerugian? Oleh kerana itu, kerajaan perlu menaikkan harga lantai belian beras kepada RM1,800," katanya.

Terdahulu, Mahfuz dilaporkan meminta pesawah menukar pemikiran daripada terlalu 'mengejar' harga belian padi yang tinggi kepada usaha untuk meningkatkan hasil yang lebih banyak sebagai langkah menambah pendapatan.

Beliau berkata, ketika ini kebanyakan petani hanya dapat menghasilkan kira-kira empat tan padi sehektar.

"Ada pula cuma hasilkan dua tan padi saja sebab mereka kejar harga. Apabila kilang beli harga RM1,800, mereka kata tak buat sungguh-sungguh pun tak apa kerana harganya tinggi sedangkan jumlah itu tak berbaloi untuk sehektar sawah, ada orang lain dapat hasilkan antara tujuh hingga 12 tan," katanya.



PESAWAH berhimpun memohon harga lantai padi RM1,800 di perkarangan Wisma Tani, Putrajaya baru-baru ini. - UTUSAN/FAIZ ALIF

nyakan kawasan menurun iaitu sekitar lima tan bagi setiap hektar berbanding tujuh tan bagi setiap hektar.

"Hasil dituai itu menunjukkan penurunan jauh di bawah KPI (petunjuk prestasi utama) selamat. Ia bukan disebabkan

Jamin sekuniti makanan negara, elak kerugian

KADA perkenal padi tahan lasak

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamulla.com.my

KOTA BHARU: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan memperkenalkan benih padi jenis *Putra Climate Ready Seeds* atau Benih Sedia Iklim Putra (CR) yang bersifat tahan lasak bagi memastikan keterjaminan makanan mencukupi selain mengelakkan petani berdepan kerugian.

Pengerusinya, Khalid Abd. Samad berkata, benih yang dihasilkan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) itu mempunyai daya tahan lebih tinggi terhadap kemarau, banjir, penyakit, serangga dan persekitaran.

Katanya, ketika ini projek rintis itu dilaksanakan di kawasan bendang Muling, Padang Mekan di sini musim lalu.

"Musim lalu kita telah usahakan benih jenis Putra CR di kawasan seluas enam hektar. Untuk musim kali ini, kita tambah kawasan tanaman kepada 48 hektar.

"Benih yang ditanam ini telah menunjukkan keupayaan apabila padi berusia 48 hari mampu bertahan walaupun petak sawah kering akibat kemarau," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pada 7 Disember lalu, akhbar ini melaporkan industri padi



Benih yang ditanam ini telah menunjukkan keupayaan apabila padi berusia 48 hari mampu bertahan walaupun petak sawah kering akibat kemarau."

KHALID ABD. SAMAD

di Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Perak dianggarkan mengalami kerugian mencecah

RM30 juta selepas tanaman itu ditenggelami air akibat banjir gelombang pertama Monsun Timur Laut, baru-baru ini.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pe-Sawah), Abdul Rashid Yob berkata, kira-kira 20 hektar sawah padi terjejas sepanjang gelombang pertama Monsun Timur Laut melanda negara.

Katanya, antara kawasan terlibat adalah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) serta beberapa kawasan lain.

"Di KADA sahaja, kira-kira 6,000 petani terjejas dengan kerugian mencecah RM10 juta terutama di daerah Kubang Pasu, Padang Terap, Kota Setar dan Pendang," katanya.

Sementara itu, Khalid berkata, walaupun kawasan itu kering namun hasil padi masih mampu mencapai 4.2 tan untuk keluasan satu hektar.

Katanya, ini adalah salah satu penambahbaikan yang dilakukan oleh KADA bagi memastikan tanaman padi terus berdaya saing.

"Kita akan perluaskan tanaman ini apabila mendapat kelulusan dari Jabatan Pertanian. Ketika ini KADA masih menjalankan projek rintis," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Bekalan kelapa susut 60 peratus, dijangka pulih Mei

Faktor perubahan cuaca, penurunan ketara kawasan penanaman jejas industri

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Bekalan kelapa dalam negara berkurangan kira-kira 60 peratus sejak Ogos lalu, susulan musim melawas, iaitu buah tidak menjadi yang dijangka hanya akan pulih Mei depan.

Bekas Pengurus Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Batu Pahat, Musa Abdul Kahar, berkata musim melawas itu paling teruk pernah melanda sekali gus menjejaskan industri penanaman kelapa, susulan faktor perubahan cuaca.

Katanya, selain faktor cuaca, bekalan kelapa tempatan juga semakin terjejas dengan penurunan ketara kawasan penanaman kelapa di negara ini yang direkodkan sejak 30 tahun lalu.

Beliau yang sebelum ini bertanggungjawab memantau kemasukan kelapa dari Kepulauan Riau, Indonesia bagi kegunaan tempatan berkata, data Jabatan Pertanian mencatat penurunan

keluasan tanaman kelapa sebanyak 22 peratus, iaitu daripada 71,856 hektar pada 2013 kepada hanya 55,664 hektar pada 2020.

"Malaysia dijangka mengalami krisis bekalan kelapa sekiranya penurunan keluasan tanaman kelapa negara berterusan, di samping faktor cuaca yang menjejaskan bekalan kelapa negara dan dunia, berikutan negara kini bergantung kepada kelapa import bagi kegunaan tempatan.

"Musim melawas yang ketika ini sedang melanda tanaman kelapa bukan hanya menjejaskan Malaysia, malah seluruh dunia, termasuk pengeluar kelapa utama terutama Indonesia,

Filipina, Thailand dan Sri Lanka.

"Faktor cuaca dan penurunan keluasan penanaman kelapa negara menjadikan kekurangan bekalan kelapa semakin teruk sehingga merudum 60 peratus daripada bekalan biasa menyebabkan bekalan kelapa tempatan terjejas. Ia menyebabkan harga kelapa biji dan santan serta kelapa parut naik lebih 10 peratus sejak Ogos lalu," katanya.

Buat intervensi segera

Musa berkata, agensi awam perlu melakukan intervensi segera bagi memastikan bekalan kelapa negara mencukupi susulan kerana santan menjadi bahan

Musim melawas yang ketika ini sedang melanda tanaman kelapa bukan hanya menjejaskan Malaysia, malah seluruh dunia, termasuk pengeluar kelapa utama terutama Indonesia, Filipina, Thailand dan Sri Lanka

Musa Abdul Kahar,
Bekas Pengurus
Pusat Operasi
FAMA Batu Pahat



utama dalam pelbagai jenis masakan dan makanan termasuk kuih muih.

Antara langkah yang boleh dilakukan, katanya, ialah mendapatkan bekalan kelapa dari sumber baharu termasuk kawasan lain di Indonesia seperti Kalimantan, Sumatera, Sulawesi serta Palembang bagi memastikan bekalan kelapa tempatan tidak terjejas menjelang Ramadan dan Aidilfitri.

"Selain itu, agensi awam mesti menggalakkan penanaman kelapa bagi memastikan kita tidak menghadapi krisis bekalan kelapa," katanya.

Kekurangan bekalan kelapa menyebabkan harga sebiji kelapa kini melonjak kepada antara RM3.50 hingga RM3.90 berbanding hanya antara RM2.50 hingga RM2.60 sebiji, sebelum ini.

Harga santan segar pula kini melonjak kepada RM13 hingga RM17 satu kilogram (kg) berbanding antara RM6.50 hingga RM8.50 satu kg, manakala kelapa parut naik kepada antara RM8 hingga RM11 satu kg berbanding hanya RM5 hingga RM6 satu kg.



Harga kelapa biji dan santan serta kelapa parut naik lebih 10 peratus sejak Ogos lalu. (Foto hiasan)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2025	HARIAN METRO	LOKAL	17

Tambah bot nelayan besar elak perairan diceroboh

Batu Pahat: Bot nelayan bertaraf C atau C2 perlu diperbanyakkan bagi mengelak perairan negara 'kosong' tanpa kelibat bot tempatan, sekali gus mengundang pencerobohan nelayan asing, kata Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzil.

Muhammad Faiz berkata, LKIM menggalakkan nelayan memodenkan peralatan mereka termasuk memperbesar bot kepada C atau C2 supaya lebih banyak bot seperti itu berada di perairan negara untuk mengelakkan ancaman selain pencerobohan.

"Bila perairan kosong, kurang nelayan menggunakan bot besar, ia memudahkan pencerobohan. Pada masa sama, kita mohon kerajaan menambah aset bagi meningkatkan pengawasan dan juga pengawalan perairan.

"Kita nelayan perlu bantu dan menyokong industri ini dengan memodenkan bot dan caranya ialah, berani membuat pinjaman. Ini kerana, 'kita ada Agrobank di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang menyediakan modal untuk nelayan melakukan perubahan ini,' katanya.

Perkukuh keterjaminan makanan

Pahang meterai enam MoU sempena lawatan MB ke Australia

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN Kuantan

Enam Memorandum Persefahaman (MoU) berjaya dimeterai sepanjang Lawatan Teknikal Penandaan Sektor Pertanian, Perikanan dan Perikanan Negeri Pahang ke Australia bermula dari 28 Januari hingga 4 Februari ini.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, MoU antaranya adalah kerjasama strategik pembangunan industri daging wagu di Pahang antara AGK Dairy Fresh Sdn Bhd dan Austrex Co.

"MoU turut dimeterai antara Rangkaian Delima Sdn Bhd dengan JBS Australia PTY Limited dalam pengimportan, pengedaran dan pembangunan daging halal.

"Rangkaian Delima juga me-

nandatangani MoU bersama ZML Agritrade PTY LTD dan Australia Halal Authority and Advisers bagi menjalin kerjasama dalam memastikan rantai bekalan halal patuh syariah.

Sementara itu katanya, Lembaga Kemajuan Pertanian Pahang (LKPP) pula bekerjasama dengan ZML Agritrade PTY LTD bagi melaksanakan projek ternakan kambing dan bebiri berkualiti tinggi.

"Kerjasama dalam melaksanakan pembangunan latihan, amali dan jaminan kerjaya anak Pahang dalam pertanian, perikanan dan perikanan pula dimeterai Yayasan Pahang bersama ZML Agritrade.

"Yayasan Pahang juga memeterai MoU bersama komuniti Islam Cobram bagi melaksanakan program Tafaqquh Fiddin, tenaga pengajar dan penyediaan bahan rujukan Islam, sekali gus menyantuni komuniti Islam berkenaan bagi mengeratkan hubungan serta memperkukuhkan syiar Islam di luar negara," katanya melalui kenyataan pada Anad.

Menurutnya, delegasi diketuai beliau yang turut disertai Exco

Pertanian Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang, Datuk Seri Ir Mohd Sofli Abdul Razak juga telah mengadakan pertemuan dan lawatan bagi memperkukuh sektor keterjaminan makanan negeri.

"Delegasi kerajaan negeri telah mengadakan lawatan teknikal ke lokasi strategik antaranya Mainstream Aquaculture di Werribee, Victoria bagi melihat perternakan ikan siakap.

"Turut dilawati, Goulburn Valley Creamery dan ladang lembu Greater Shepparton bagi melihat proses penghasilan produk tenusu bersama Farm Fresh Berhad dan Rumah Penyembelihan Ternakan JBS untuk melihat proses penyembelihan dan pemprosesan daging yang mematuhi pensijilan halal oleh pihak berkuasa Australia," katanya.

Jelasnya, mereka juga melawat ladang ternakan lembu dan bebiri di Cobram yang diusahakan anak jati Temerloh, Mohd Zaki Mat Lias dan ladang Fidlot Ulpuna Pastoral bagi meninjau perternakan lembu wagu dan Angus berkualiti tinggi.

FOTO: FB WAN ROSDY WAN ISMAIL



Wan Rosdy meninjau salah satu ladang ternakan lembu berkualiti tinggi sempena Lawatan Teknikal Penandaan Sektor Pertanian, Perernakan dan Perikanan Negeri Pahang ke Australia.